



DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian
Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARI ISNIN : 10 OKTOBER 2011

CAWANGAIM

PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' ISMAIL BIN KASIM (ARAU)
TARIKH	10 OKTOBER 2011 (ISNIN)
SOALAN	Dato' Ismail bin Kasim minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan Dasar Jaminan Makanan Negara yang turut melibatkan Bidang Keberhasilan utama Negara (NKRA) serta keseriusan Kerajaan bagi menjamin pengeluaran hasil makanan negara.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa serius dan komited mengenai jaminan bekalan makanan dalam negara (*food security*). Jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan merupakan objektif utama Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.
2. Untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara, Kementerian melaksanakan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian. Selain daripada itu, tanah pertanian akan digunakan secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat seperti pisang, nanas dan tembakai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri.

3. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pula ditumpukan kepada R&D bagi peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antaranya bidang tumpuan R&D adalah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau.
4. Kementerian juga akan terus membangunkan sistem rantaian bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan.
5. Selain usaha daripada pihak Kerajaan, inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara memerlukan penglibatan aktif pihak swasta. Bagi menggalakan pihak swasta untuk terus melabur dalam pengeluaran makanan, insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru dicadang diperluaskan meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan Tekun dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.

SOALAN 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN NGA KOR

MING [TAIPING]

TARIKH

10 OKTOBER 2011

SOALAN

Meminta MENTERI

PELANCONGAN menyatakan :

Apakah status terkini rancangan Kerajaan untuk membina kereta kabel di Bukit Larut (Maxwell Hill) serta langkah-langkah Kerajaan untuk membangunkan industri perlancongan di bandar Warisan Taiping.

~~JAWAPAN~~ di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Taiping, Projek Pembangunan Sistem Kereta Kabel di Bukit Larut, Taiping adalah projek di bawah Kerajaan Negeri Perak bukannya di bawah Kementerian Pelancongan. Walaubagaimanapun, Kementerian ini telah difahamkan oleh Kerajaan Negeri Perak bahawa status terkini Projek Pembangunan Sistem Kereta Kabel di Bukit Larut, Taiping telah diluluskan pelaksanaannya dan diswastakan kepada Syarikat Taiping Cable Car (TCC) Sdn Bhd.

Masyarakat secara umumnya mengetahui bahawa Bandar Taiping merupakan kawasan bersejarah serta mempunyai panorama-panorama yang indah dan produk-produk pelancongan yang diminati ramai seperti Taman Tasik Taiping, Zoo Taiping dan Bukit Larut. Oleh yang demikian, di bawah **Rancangan Malaysia Kesembilan** (RMKe-9), Kementerian ini telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM10.3 juta** bagi pembangunan kemudahan pelancongan iaitu menaiktaraf Rumah Rehat dan Tea House di Bukit Larut, kemudahan

infrastruktur di Zoo Taiping serta pembangunan kemudahan pelancongan di Taman Tasik Taiping.

Selanjutnya untuk meningkatkan lagi produk perlancongan di Bandar Warisan Taiping, Kementerian ini telah menyenaraikan Taman Tasik Taiping sebagai salah satu daripada 22 *Parks and Gardens Trails* negara yang telah diincarkan baru-baru ini. Paket *Parks and Gardens Trails* ini dipromosikan secara meluas dan amat diminati ramai. Malahan, sebagai contoh, paket ini telah berjaya dijual semasa Chelsea Flower Show di United Kingdom baru-baru ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri Perak turut mengambil inisiatif dengan menggubal Rancangan Kawasan Khas (RKK) Kawasan Warisan Bandar Taiping yang akan dijadikan garis panduan oleh Majlis Perbandaran Taiping bagi membangunkan Taiping sebagai Bandar Warisan dengan pelbagai program/projek telah dirangka termasuklah projek pembangunan jejak warisan '*Heritage Trail*' dan Pasar Budaya. Selepas ia diwujudkan, Kementerian ini melalui Tourism Malaysia akan membantu Kerajaan Negeri untuk mempromosikan produk-produk tersebut.

Dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

semasa pembentangan Bajet 2012 pada Jumaat lepas akan peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak **RM978 juta** untuk merancakkan pembangunan di 5 wilayah koridor yang turut mengandungi Projek Pelancongan Warisan Taiping di Koridor Utara, Kementerian ini percaya, segala program-program pelancongan yang telah dan akan dibangunkan kelak, akan menjadikan Bandar Warisan Taiping sebagai destinasi pelancongan yang terbaik dan terunggul di negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

DARIPADA Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU
 [BUKIT KATIL]

SOALAN

Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah hutang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 10 tahun khususnya dalam pelaksanaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan baru sahaja mengambilalih fungsi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada 52 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di 7 buah negeri iaitu Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kedah dan Perlis serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 1 September 2011 yang lalu. Oleh yang demikian, buat masa ini tiada sebarang hutang PBT kepada Kerajaan Persekutuan khususnya dalam pelaksanaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Namun begitu, PBT-PBT sememangnya mempunyai tunggakan bayaran perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada syarikat-syarikat konsesi semasa tempoh interim dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2010, jumlah tunggakan PBT kepada syarikat-syarikat konsesi mencecah RM357 juta.

Bagi membantu PBT-PBT yang kurang berkemampuan untuk membayar bayaran perkhidmatan berkenaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberikan bantuan kewangan kepada PBT-PBT yang memperolehi kutipan cukai taksiran kurang daripada RM10 juta setahun. Sejak tahun 1998 hingga 2010, bantuan kewangan kepada 28 PBT adalah sebanyak RM151.84 juta.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Oktober 2011

NO SOALAN : 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

TARIKH 10 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- a) Butiran terakhir jumlah peneroka yang masih terhutang dengan FELDA serta jumlah keseluruhannya; dan
- b) Jumlah wang simpanan peneroka dalam Tabung Caruman Tanam Semula setakat ini.

**JAWAPAN DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peneroka diberi secara percuma 10 ekartanah kebun dan suku ekar tapak rumah. Namun tidak semuanya percuma. Sehingga 1 Oktober 2011, jumlah pinjaman bagi seramai 112,635 peneroka adalah berjumlah RM3.220 juta. Pinjaman ini adalah kos pembangunan yang

didahulukan oleh FELDA meliputi kos pembersihan hutan, pembangunan ladang, pembinaan sebuah rumah (dengan kos hanya RM4,000.00) dan pinjaman persendirian. Sehingga kini, seramai 102,560 peneroka atau 91.1 peratus (%) telah pun menyelesaikan bayaran balik pinjaman kepada FELDA berjumlah RM3.105 juta dan terdapat seramai 10,075 atau 8.9% peneroka masih mempunyai baki pinjaman berjumlah RM92.863 juta. Daripada jumlah tersebut, RM28.58 juta daripadanya adalah masih dalam tempoh bayaran kembali (BK) yang dijadualkan berakhir pada tahun 2017, manakala RM64.28 juta adalah dalam bentuk tunggakan.

Pinjaman ini tidak termasuk bantuan Sara Hidup dan pinjaman lain disediakan oleh FELDA berjumlah RM2,313.16 juta yang terdiri daripada pinjaman pembesaran rumah berjumlah RM665.01 juta, Skim Insentif Usahawan berjumlah RM87.60 juta, pinjaman pelajaran berjumlah RM7.40 juta, pinjaman komputer berjumlah RM9.66 juta dan lain-lain pinjaman berjumlah RM0.63 juta. Ini menjadikan keseluruhan pinjaman jangka pendek berjumlah RM760.30 juta. Kesemua pinjaman ini tidak dikenakan sebarang kadarfaedah kerana hasrat Kerajaan membantu peneroka.

Bantuan Sara Hidup diberi kepada peneroka yang sedang tanam semula sekiranya mereka memilih untuk menerima sara hidup yang perlu dibayar kembali. Sehingga kini, FELDA telah mendahulukan bantuan sara hidup bagi peneroka yang sedang tanam semula berjumlah RM 1,460 juta.

b) Bahagian ke dua kepada solan Yang Berhormat, jumlah wang simpanan peneroka dalam Tabung Tanam Semula pada 31 Disember 2010 bagi tujuan tanam semula sawit kebun peneroka kali pertama adalah RM269 juta. Simpanan ini diambil daripada kutipan bulanan yang dibuat setiap bulan mengikut kadar hanya RM4.00 seekar atau RM40 bagi kawasan 10 ekar. Ini bermakna bagi keluasan 10 ekar, setiap peneroka mencarum kira-kira RM960 seekar selama 20 tahun sekiranya mencarum penuh atau RM9,600.00 bagi kawasan 10 ekar.

Pada masa ini, kos tanam semula sawit ialah kira-kira RM2.600 seekar atau RM26,000 bagi kawasan 10 ekar. Oleh sebab itu, FELDA memberi subsidi tanam semula peneroka sebanyak RM16.400 seorang peneroka, iaitu RM26,000 kos tanam semula tolak RM9,600 wang caruman.

Bagi tabung kutipan tanam semula kali kedua, sehingga 31 Disember 2011, jumlah simpanan peneroka berjumlah RM79 juta. Simpanan ini diambil daripada kutipan peneroka sebanyak RM12 seekar sebulan atau RM120 sebulan bagi kawasan 10 ekar yang telah berkuatkuasa mulai Julai 2009. Kenaikan kadar kutipan ini disebabkan kos tanam semula yang semakin meningkat dan persediaan menanam semula bagi peringkat kedua dalam masa 25 tahun dari sekarang.

oooooooooooooooooooo

Meningkatkan pendapatan dan memperbaiki taraf hidup peneroka adalah satu agenda FELDA secara berterusan. Bagi merealisasikannya, pelbagai bantuan telah disalurkan oleh FELDA kepada komuniti

PENGHAPUSAN HUTANG PENEROKA

peneroka termasuklah mengurangkan bebanan hutang. Justeru itu, sehingga kini FELDA telah menghapuskan RM499.31 juta hutang peneroka dalam pelbagai akaun. Dengan penghapusan hutang yang telah dilaksanakan ini membuktikan bahawa FELDA sentiasa prihatin dengan keperluan dan kesukaran yang dialami oleh peneroka.

Antara hutang yang telah dihapuskan oleh FELDA ialah :

1. Hutang Tabung Tapak Semaian di 16 peringkat sawit dan 18 peringkat getah berjumlah RM33.52 juta;
2. Hutang Tabung Simpanan Am di 16 peringkat sawit dan 58 peringkat getah berjumlah RM31.09 juta;
3. Hutang Pembangunan Ladang Getah dalam sistem perekaran 6,7 dan 8 di 69 peringkat getah berjumlah RM156.57 juta;
4. Hutang Tabung Tanam Semula di 25 peringkat sawit dan 208 peringkat getah berjumlah RM90.52 juta.
5. Hutang Kos Pembangunan di tanah rancangan KESBAN di 3 peringkar sawit dan 11 peringkat getah di Perlis, Kedah dan Perak berjumlah RM18.36 juta;
6. Hutang Akaun Pembangunan keseluruhan sebanyak RM46.73 juta;
7. Hutang Tuggakan Bayaran Kembali Getah tahun 1999 berjumlah RM94.70 juta;
8. Hutang Tuggakan Bayaran Kembali Gugusan Sahabat berjumlah RM16.83 juta;

9. Penghapusan hutang peneroka di Kedai D'Mart FELDA sebanyak RM11 juta.

SOALAN 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK HAJI YUSOFF

BIN HAJI MAHAL [LABUAN]

T

10 OKTOBER 2011

ARIKH

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan :**

SOALA

N

Adakah terdapat acara (*event*) baru dan usaha mengenal pasti tarikan baru di Labuan oleh Kementerian Pelancongan di dalam usaha membawa pelancong dari dalam maupun luar negara mengunjungi Labuan sekaligus menghidupkan Industri Pelancongan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, bagi merancak dan meningkatkan lagi industri pelancongan di wilayah kosmopolitan Labuan yang turut berstatus sebagai kawasan bebas cukai, Kementerian Pelancongan telah mengenalpasti beberapa acara dan tarikan baru yang berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong ke Labuan.

Untuk tujuan itu, Kementerian ini telah memperhebatkan lagi **Pesta Air Nasional Labuan** yang diadakan dari 22 hingga 24 April 2011 berbanding penganjuran sebelumnya. Kali ini, dianggarkan seramai **60,000 pengunjung** telah hadir sepanjang acara ini yang turut berjaya menarik penyertaan peserta dari dalam dan luar negara seperti Brunei, Thailand, Singapura, Filipina, Indonesia New Zealand, Australia dan United Kingdom.

Pesta Air Nasional Labuan kali ini juga turut menumpukan aspek kebersihan persekitaran alam sekitar terutama lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan pelancong melalui inisiatif Kementerian ini dalam kempen kebersihan program ¹¹1 *Malaysia Green, 1 Malaysia Clean (1MG1MC)*".
Tuan Yang di-Pertua,

Bagi acara baru, terdapat dua acara yang diperkenalkan iaitu

melalui pelancongan sukan dan pelancongan seni. Acara pertama adalah Karnival Sukan Pelancongan Labuan yang dianjurkan oleh Kementerian ini pada 25 hingga 26 Jun 2011 untuk menjadikan Labuan sebagai antara destinasi pelancongan sukan di negara ini. Acara yang berkonsepkan sukan dan rekreasi ini telah berjaya menarik minat peserta domestik termasuk daripada Brunei dan Australia. Dianggarkan seramai 10,000 pengunjung telah hadir sepanjang program ini dijalankan.

Acara baru yang kedua ialah Festival Labuan Arts Festival **2011** dari 25 hingga 27 November 2011 yang akan menampilkan pelbagai elemen kesenian terutamanya seni kontemporari yang kian mendapat sambutan daripada para pelancong pada masa kini melalui persembahan kepelbagaian budaya etnik-etnik yang terdapat di negeri Sabah, Sarawak, Labuan, pertandingan seni lukis, pertandingan seni graffiti dan lain lain. Acara ini dijangka akan dapat menarik seramai **30,000** pengunjung dari dalam dan luar negara bagi meletakkan Labuan di persada dunia antarabangsa melalui seni dan kepelbagaian budaya masyarakat setempat.

Soalan No : 6

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN LOKE SIEW
FOOK (RASAH)**

TARIKH

10.10.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar yang tercicir atau 'dropout' daripada aliran sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut pecahan kaum dari tahun 2006 hingga 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat tiga (3) pertanyaan berkaitan keciciran murid sama ada di peringkat sekolah rendah dan menengah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah:

		10.10.2011 (Hari Ini)
Y.B. Rasah		17.10.2011
i.	Y.B.	14.11.2011
ii.	Y.B.	Hulu Terengganu Rembau

Oleh kerana pertanyaan yang dibangkitkan adalah saling berkaitan. Izinkan saya menjawab pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua,

KPM sentiasa memantau dan berusaha mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid di semua peringkat persekolahan seluruh negara. Antara langkah-langkah tersebut ialah;

- i. Menguatkuasakan pendidikan wajib peringkat sekolah rendah yang mula dilaksanakan sejak tahun 2003;
- ii. Memperkenalkan pelbagai bentuk insentif dan bantuan pendidikan kepada murid. Pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri ketika pembentangan Belanjawan 2012, khususnya berkaitan pemansuhan semua bayaran tambahan di sekolah dan pemberian wang awal persekolahan kepada semua murid, merupakan salah satu langkah mengatasi keciciran;
- iii. Meningkatkan penyediaan infrastruktur asas kepada murid khususnya yang tinggal di pedalaman dan pulau-pulau kecil seperti penyediaan asrama ataupun pengangkutan untuk ke sekolah;
- iv. Mengikuti pendidikan alternatif bagi murid-murid yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan formal di negara ini, terutama bagi kanak-kanak dan juga ibubapa yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang lengkap;
- v. Memperbanyak program pendidikan yang dapat menarik minat murid mengikuti pengajian seperti dalam bidang kesenian melalui sekolah seni, sukan di sekolah sukan dan kemahiran di sekolah teknik dan vokasional. Usaha kementerian menambahbaik pendidikan vokasional diharap dapat meningkatkan penyertaan murid dalam sistem pendidikan;

NO. SOALAN : 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. TUAN LIANG TECK
MENG [SiMPANG RENGGAM]

TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT

10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan jumlah pengguna yang telah menggunakan Program SAVE. Kenapa program ini tidak mendapat sambutan yang menggaiakkan daripada orang ramai.

JAWAPAN
Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Rebat SAVE telah dilancarkan dengan dua (2) objektif utama iaitu untuk meningkatkan jumlah bilangan kelengkapan cekap tenaga bertaraf 5-Bintang di pasaran dan juga meningkatkan kesedaran orang ramai agar membeli kelengkapan cekap tenaga yang akhirnya akan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik pengguna.

Program Rebat SAVE telah dilancarkan pada 7 Julai 2011 menawarkan 100,000 baucer rebat untuk peti sejuk, 65,000 baucer untuk penyaman udara dan 72,000 Refrigeration Tonne (RT) untuk *chiller*. Sehingga 7 Oktober 2011 sebanyak 33,000 baucer rebat telah dicetak dan 23,100 baucer telah ditebus bersamaan 70% daripada jumlah baucer yang dicetak, manakala bagi *chiller* 23,700 RT telah dipohon. Pelaksanaan Program Rebat SAVE melibatkan pelbagai pihak iaitu Kementerian ini dengan kerjasama syarikat utiliti iaitu TNB, SESB dan SESCO dan disokong oleh pengeluar kelengkapan elektrik berlabel 5-Bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) serta persatuan-persatuan pengedar dan penjual kelengkapan elektrik. Sejak dilancarkan terdapat 13 jenama penyaman udara dan peti sejuk

berlabel 5-Bintang di pasaran berbanding hanya enam (6) jenama sebelum program ini diperkenalkan. Ini menunjukkan sambutan yang positif daripada pihak pengeluar tentang mempromosi peralatan cekap tenaga serta Program Rebat SAVE.

Pelaksanaan program ini juga melibatkan pelbagai aktiviti promosi dan kesedaran seperti siri jelajah, hebahan melalui media cetak dan elektronik serta pembangunan laman web khas Program Rebat SAVE. Berdasarkan maklumbalas dan pemantauan yang diterima di sepanjang program sehingga kini, sambutan daripada orang ramai dan penjual semakin positif terutamanya apabila lebih banyak maklumat disebarluaskan melalui aktiviti-aktiviti tersebut. Ini adalah kerana semakin ramai pihak memahami kepentingan amalan cekap tenaga di dalam aktiviti harian mereka. Melalui aktiviti-aktiviti kempen kesedaran dan promosi yang semakin agresif yang sedang dan akan dijalankan, sasaran yang ditetapkan boleh dicapai dengan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaannya. Oleh yang demikian, Kementerian ini berpendapat program ini mendapat sokongan menggalakkan daripada rakyat semua tetapi promosi dan program kesedaran perlu ditingkatkan supaya lebih ramai orang yang menyertainya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN(9)

TARIKH **10 OKTOBER 2011 (ISNIN)**

DARIPADA **Y.B. DATO' RASHID BIN DIN**
 [MERBOK]

SOALAN

Y.B. DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan dalam membangunkan semula projek perumahan terbengkalai sehingga kini mengikut negeri. Berapa pula projek perumahan yang mula/baru yang terbengkalai dalam 3 tahun kebelakangan ini, apakah peranan Kerajaan Pusat untuk menangani supaya masalah ini tidak berulang

JAWAPAN
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2011 Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 3.1 juta bagi pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai. Peruntukan ini adalah bagi pemulihan sebanyak dua projek kos rendah iaitu satu projek di Negeri Sembilan dengan suntikan dana sebanyak RM 1.4 juta dan satu projek lagi di negeri Selangor dengan suntikan dana sebanyak RM 1.7 juta.

Bilangan projek perumahan terbengkalai sedia ada pada 31 Disember 2008 adalah sebanyak **144 projek**. Jumlah projek perumahan yang baru diisyiharkan terbengkalai bagi tempoh 2009 sehingga 30 September 2011 adalah sebanyak **23 projek**.

Sejajar dengan slogan Kerajaan di bawah pimpinan Y.A.B. Perdana Menteri iaitu 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Kerajaan amat komited dalam menyelesaikan projek-projek perumahan swasta terbengkalai kerana ianya memberi kesan secara langsung kepada pembeli-pembeli rumah. Oleh sebab itu, Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan beberapa usaha dan tindakan bagi menangani isu projek perumahan terbengkalai. Antara usaha dan tindakan tersebut termasuklah:

1. **KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara mengambil tindakan dengan menqenal pasti pemaiu-pemaiu vanq berkeupavaan dan berpenqalaman** untuk mengambil alih pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai;
2. **Melaksanakan pemulihan** projek-projek perumahan swasta terbengkalai **terutamanya kateqori kos rendah dan kos sederhana**
melalui peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut;
3. **Menqadakan perundingan dari semasa ke semasa** dengan semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dalam pemajuan

perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian yang terbaik ke atas projek-projek perumahan yang terbengkalai;

4. **Menvelaras usaha pemulihan projek** perumahan swasta terbengkalai seperti mengadakan mesyuarat, lawatan tapak, perbincangan terbuka dan program dialog dengan pembeli;
5. **Memantau dan menvelaras pemulihan** bagi kesemua projek perumahan swasta terbengkalai. Tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
6. **Mengenakan tindakan pendakwaan dan kompaun** ke atas pemaju-pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan peraturan yang terkandung di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118); dan
7. **Melaksanakan pindaan terhadap Akta 118** bagi memperketatkan lagi penguatkuasaan terhadap pemaju-pemaju.

8. Melaksanakan usaha pemantauan dan penyalarasannya yang lebih rapi berkaitan pemulihan projek perumahan terbengkalai melalui:-

- i) Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y. Bhg.Tan Sri Ketua Setiausaha Negara; dan
- ii) Tiga (3) Kumpulan Kerja (*Working Group*) yang menumpukan kepada penetapan dasar pemajuan perumahan negara, pemantapan pemulihan dan pemantauan projek serta penguatkuasaan undang-undang.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Oktober 2011

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN

NO. SOALAN: ..9.
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS _____
(2011-BAJE)

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
(DUNGUN)

TARIKH 10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh (Dungun) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah imam dan bilal di seluruh negara dan apakah cadangan pihak Kerajaan untuk meningkatkan gred jawatan tersebut bersesuaian dengan kemajuan negara pada masa ini.

JAWAPAN: (YB SENATOR DATO' DR. DATO' MASHITAH IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa jumlah imam, bilal termasuk siak di seluruh negara adalah seperti berikut:

- i) Imam - 14,254 orang
- ii) bilal - 6,338 orang; dan
- iii) siak - 5,289 orang

Setakat ini, imam di masjid persekutuan, masjid negeri dan masjid daerah telah dilantik sebagai jawatan tetap dan mempunyai skim perkhidmatan

yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Gred jawatan bagi imam di masjid negeri ialah S48 kecuali di Wilayah Persekutuan dengan gred S52 dan semua imam masjid daerah pula dilantik dengan gred S41.

Manakala imam di masjid mukim/kariah pula dilantik oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Perlantikan mereka tidak secara tetap serta tiada skim perkhidmatan tertentu dan mereka menerima imbuhan bulanan sebanyak RM750.00 berdasarkan ucapan Bajet 2011 oleh YAB Perdana Menteri pada tahun lalu, yang mana sebelum ini mereka menerima RM450.00 sebulan dari Kerajaan Persekutuan dan sesetengah negeri memberi imbuhan tambahan.

Mengenai cadangan supaya gred jawatan imam dinaikkan, Kerajaan akan meneliti secara mendalam mengenainya dan perbincangan dengan agensi-agensi yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN CHONG CHIENG JEN

SOALAN : 11

(BANDAR KUCHING)

TARIKH **10 OKTOBER 2011**

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan rancangan pembinaan serta kemudahan asas di Kanowit, termasuk jambatan yang menyambungkan Kanowit - Majau. Senaraikan peruntukan yang diluluskan untuk pembangunan Kanowit dalam RMK-10.

JAWAPAM :
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan jambatan yang menyambungkan Kanowit - Majau tiada dalam senarai Rolling Plan pertama, RMKeLO, Kementerian. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan menyenaraikan projek tersebut bagi pelaksanaan di bawah tempoh RMKeLO (2013-2015).

Secara keseluruhannya, di bawah Rolling Plan RMKeLO peruntukan berjumlah RM207.79 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek seperti berikut:

- a. JALB : 8 projek berjumlah RM140.0 juta;
- b. BALB : 4 projek berjumlah RM54.1 juta; dan
- c. BELB : 13 projek berjumlah RM13.69juta

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA
BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DATUKRAIME BIN UNGGI

SOALAN : 12

(TENOM)

TARIKH

10 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

menyatakan:

- (a) Apakah status pencapaian projek-projek bekalan elektrik, bekalan air bersih dan jalan raya di kawasan P.181 Tenom.; dan

(b) Nyatakan agihan projek-projek tersebut

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian dibawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pada tahun 2010 telah siap melaksanakan sepuluh (10) projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sambungan talian grid di kawasan Parlimen Tenom. Projek ini memberi manfaat

kepada kira-kira 722 buah rumah dengan kos berjumlah RM8.47 juta.

Bagi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, terdapat lapan(8)projek yang sedang dalam peringkat awal pelaksanaan dengan anggaran kos berjumlah RM46.40 juta. Projek-projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2012 dan akan dapat memberi manfaat kepada kira-kira 5,714 buah rumah di kawasan Tenom.

Bagi pelaksanaan projek Jalan Luar Bandar (JALB) di kawasan Parlimen Tenom pula,RM48.17juta telah diperuntukkan untuk membina 5 batang jalan sepanjang 25.85 km.

- (b) Agihan projek-projek yang telah diluluskan seperti berikut:

Program	Bil. Projek	Bil. Rumah/Panjang	Kos (RM juta)
BELB	10	722 rumah	8.47
BALB	8	5,714 rumah	46.40
JALB	5	25.85 km	48.17

SOALAN 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
(SEREMBAN)**

TARIKH 10 Oktober 2011

**SOALAN Meminta MENTERI
PELANCONGAN menyatakan:**

sejajar dengan pertambahan kedatangan pelancong dari Negara India, adakah pihak Kementerian tidak mencadangkan kepada Kerajaan untuk menambah bahasa pengumuman yang dibuat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di dalam bahasa Tamil yang kini hanya dapat di dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin dan Arab.

Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Seremban, jumlah ketibaan pelancong dari India ke Malaysia pada tahun 2010 adalah seramai **690,849** iaitu **2.81%** daripada jumlah keseluruhan ketibaan pelancong iaitu seramai **24.6 juta orang** pada tahun 2010.

Kementerian Pelancongan mengalu-alukan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk mempunyai kepelbagaian bahasa pengumuman di terminal termasuk bahasa Tamil. Walau bagaimanapun, penghebahan pelaksanaan di dalam bahasa tersebut adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB). Untuk itu, Kementerian ini telahpun memaklumkan perkara ini kepada pihak MAHB untuk tindakan selanjutnya.

SOALAN NO.: **13**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
KAWASAN
TARIKH
SOALAN:

LISAN
Y.B. TUAN DING KUONG HUNG SARIKEI
10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

Y.B. TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan rancangan Kementerian menambahbaik sepanjang Lebuhraya Pan Borneo dari Bukit Kayu Malam ke Pekan Jakar, Sarikei sejauh 14 kilometer. Nyatakan juga rancangan kerja-kerja penambahbaikan yang telah dilaksanakan di sepanjang jalan tersebut jika ada.

TAWARAN Ni-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan sememangnya komited dan memberikan keutamaan yang tinggi bagi membina dan menaik taraf rangkaian jalan raya di Negeri Sarawak, khususnya Jalan Persekutuan Pan Borneo yang menjadi lauan utama pengguna untuk menuju ke destinasi bandar-bandar utama di negeri tersebut. Pelaksanaan program berskala besar ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan 5 Tahun Pembangunan memandangkan ia melibatkan implikasi kewangan yang sangat tinggi kepada Kerajaan.

Sehubungan itu, antara segmen projek menaik taraf Jalan Pan Borneo yang telah dikenal pasti dan dicadangkan kementerian ini sebagai projek berkeutamaan tinggi di Negeri Sarawak untuk dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 ialah cadangan menaik taraf jalan antara Bukit Kayu Malam hingga ke persimpangan Jalan Bulat/Jalan Repok, Sarikei, Sarawak. Skop projek ini melibatkan pembinaan dan menaik taraf jalan sedia ada sepanjang 17.4 kilometer kepada tahap piawai JKR R3, termasuk pembinaan 3 buah jambatan di sepanjang lauan berkenaan. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM85 juta. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek tersebut masih tertakluk kepada keiulusan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai tindakan penambahbaikan jangka pendek, Kementerian Kerja Raya pada tahun

ini telah memperuntukkan sebanyak RM2.3 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan di lokasi-lokasi tertentu, iaitu antara KM.421 hingga KM.429 laluan berkenaan. Skop projek di bawah Program Keselamatan jalan ini melibatkan kerja-kerja pembaikan rutin dan berkaia, termasuk memperelokkan geometri jalan, pelebaran bahu jalan dan pemasangan perabot jalan. Sehubungan itu, usaha bagi mempertingkat kuaiiti dan tahap keselamatan jalan raya di Sarikei akan diteruskan oleh kementerian ini menerusi peruntukan bajet penyelenggaraan tahunan.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS
(2011)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM
BANDAR BARU]

TARIKH 10 OKTOBER 2011 [ISNIN]

SOALAN

DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) mengapa Pusat Zakat/Baitulmal tidak mengambil sikap agresif/pro-aktif dalam agihan zakat seperti mencari/mengesan para asnaf

NO. SOALAN: 14

terutama fakir miskin yang layak; dan

- (b) adakah Kerajaan menyedari kegagalan Pusat Zakat/Baitulmal telah diambil kesempatan oleh pihak bukan Islam untuk menyebarkan dakyah mereka dan adakah Kerajaan bercadang mengadakan audit syariah bagi semua kutipan/agihan zakat.

|

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR DATO' DR. MASHITAH IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

a) Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Jadual 9 Senarai II (1), Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing.

Saya percaya Kerajaan Negeri telah, sedang dan akan mengambil tindakan terbaik dari masa ke semasa mengikut kemampuan masing-masing bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan zakat. Maklumat mengenainya bolehlah merujuk kepada Majlis Agama Islam masing-masing.

Dalam melaksanakan agihan zakat, terdapat dua kaedah utama yang diamalkan oleh MAIN dan agensi zakatnya bagi menyalurkan bantuan dana zakat kepada golongan asnaf. Kaedah pertama adalah melalui permohonan yang dibuat secara terus oleh pemohon dan kedua melalui pendekatan ‘turun padang’ di mana pegawai pengurusan zakat mengunjungi rumah atau tempat tinggal mereka yang memerlukan bantuan. Melalui pendekatan tersebut, MAIN menyediakan senarai pemohon dan penerima bantuan zakat melalui bancian, siasatan dan kajian yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pegawainya dengan kerjasama erat amil-amil, jawatankuasa masjid, persatuan penduduk, JKKK, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat

setempat. Tindakan bersepada ini juga dapat memastikan bakal-bakal penerima zakat dapat dikesan secara menyeluruh.

Senarai pemohon dan penerima diproses dan dikemaskini dari semasa ke semasa dalam pangkalan data pengurusan zakat. Senarai berkenaan disemak dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Agihan negeri masing-masing bagi mempastikan mereka adalah tergolong dalam asnaf yang layak diberi bantuan menerusi pelbagai skim bantuan yang diperkenalkan tertakluk kepada **syarat kelayakan** dan **had kifayah** yang ditetapkan oleh negeri masing-masing.

- b) Pusat zakat dan baitulmal **tidak gagal melaksanakan tanggungjawabnya** dalam agihan zakat. Bahkan sentiasa prihatin terutamanya kepada golongan asnaf fakir dan miskin. Sekiranya seseorang itu menghadapi masalah kemiskinan, pihak Pusat Zakat Dan Baitulmal sentiasa terbuka untuk membantu golongan ini.

Pihak MAIN telah mempunyai sistem perakuanan yang berkesan dalam menguruskan wang kutipan zakat dan agihan zakat negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

**TAN SRI DATUK SERI DR. FONG
CHAN ONN [ALOR GAJAH]**

TARIKH

10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

15

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn (Alor Gajah) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan statistik berapa banyak kenderaan bahan api alternatif serta kenderaan hibrid sedang diguna di jalan raya serta berapa banyak ia terdiri daripada jumlah kenderaan yang diguna di jalan raya dan apakah dasar dan tindakan Kementerian untuk menggalakkan lebih penggunaan kenderaan tersebut oleh rakyat.

**Tuan Yang Dipertua,
JAWAPAN**

Jumlah kenderaan sehingga 31 Ogos 2011 mengikut penggunaan bahan api alternatif adalah seperti berikut:

JENIS BAHAN BAKAR	UNIT	PERATUSAN
Elektrik	177	0.0008%;
Hybrid	3,944	0.018%
Gas Petroleum Cecair (LPG)	664	0.003%
Gas Asli (NGV)	1,868	0.0089%
Petrol dengan LPG	1,957	0.0093%
Petrol / Diesel dengan NGV	58,834	0.28%

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memberikan insentif pengurangan kadar Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi kenderaan motor yang menggunakan bahan api alternatif sebagai langkah galakan terhadap penggunaannya. Pada masa ini, insentif yang telah diberikan adalah seperti berikut:

- (i) pengecualian 50% daripada LKM petrol bagi kenderaan motor bergas mono;
- (ii) pengecualian 25% daripada kadar LKM petrol bagi kenderaan motor dwi-bahanapi (gas asli dan petrol);
- (iii) pengecualian 25% daripada kadar LKM diesel bagi kenderaan motor

- bahanapi duaan (gas asli dan diesel); dan
- (iv) pengecualian 50% daripada LKM berbanding kadar asas juga telah diberikan kepada kenderaan elektrik.

Tuan Yang Dipertua,

Di samping itu, Kerajaan juga telah memberikan pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais terhadap pemegang francais kenderaan hibrid dan kenderaan elektrik sebagai satu langkah untuk menggalakkan penggunaan kenderaan jenis tersebut. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan juga sedang bekerjasama dengan syarikat Proton untuk melaksanakan program “*Fleet Test Vehicle*” (FTV) bagi kenderaan hibrid dan elektrik di sekitar Putrajaya dan Cyberjaya. Inisiatif yang sedang dijalankan ini adalah sebagai langkah untuk menjayakan pembangunan industri kenderaan tersebut selaras dengan Dasar Teknologi Hijau Negara dan Dasar Automotif Nasional.

SOALAN NO : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' SERI ABDUL HADI AWANG [MARANG]

TARIKH 10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Dato¹ Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan pendirian Kerajaan ke atas perlunya usaha untuk menulis semula sejarah kemerdekaan Malaysia dengan mengiktiraf pejuang-pejuang yang anti-penjajah seperti Belanda, Portugis, Jepun dan Inggeris dan dalam masa yang sama memberikan pengiktirafan sewajarnya kepada golongan ulama seperti Tok Ku Paloh sebagai pejuang kemerdekaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini berpendapat penulisan sejarah kemerdekaan negara yang sedia ada telah mengiktiraf golongan keagamaan sebagai pejuang kemerdekaan. Namun, menyedari bahawa sejarah merupakan tulisan manusia yang harus diperbaiki mana-mana fakta yang tidak tepat, maka

dialu-alukan para sejarawan tampil menulis bagi tujuan penambahbaikan.

Kementerian ini melalui Jabatan Arkib Negara Malaysia bersedia memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat yang ada di dalam simpanannya untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan bukti sahih dalam usaha menulis semula sejarah negara seandainya diperlukan. Selain daripada rekod-rekod rasmi, Arkib Negara juga menyimpan koleksi rakaman sejarah lisan yang dilaksanakan melalui sesi temu bual dan wawancara dengan tokoh-tokoh negara dari pelbagai bidang dan latar belakang pelbagai aspek sejarah negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH

TARIKH: 10 OKTOBER 2011

SOALAN:

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah penyelarasan dan kenaikan gaji untuk pengawal keselamatan sebagaimana yang telah diumumkan akan dilaksanakan di Sarawak seperti mana yang dinikmati oleh pengawal keselamatan di Semenanjung Malaysia.

PR-1243-L46634

JAWAPAN:

SOALAN NO: 18

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Perintah Majlis Penetapan Gaji (Perintah Peraturan Gaji) (Saraan Minimum Berkanun Pengawal Keselamatan Swasta di Sarawak dan Sabah) 2011 telah diwartakan pada 29 Julai 2011 dan mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2011. Melalui pewartaan tersebut, pengawal keselamatan swasta di Sarawak akan dibayar Saraan minimum berkanun sebanyak RM500.00 sebagai gaji pokok dan RM100 sebagai alaun insentif berkanun.

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**Y.B. TUAN LIEW CHIN
TONG (BUKIT BENDERA)**

TARIKH	PERT ANYA AN	LISA N
---------------	-----------------------------	-------------------

10.10.2011

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan pembangunan Tanjung Tokong dan Pulau jerejak di bawah Perbadanan UDA. Adakah UDA bersedia menyerah balik kedua tanah dan rancangan pembangunan ini kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua_f

Pembangunan Pulau jerejak dilaksanakan oleh Tropical Island Resort Sdn. Bhd. (TIRSB) sebuah syarikat usaha sama antara UDA Holdings Berhad (UDA) dan Penang Development Corporation (PDC) dengan pegangan saham 51%(UDA) dan 41%(PDC). Pemberian milik tanah seluas 80 ekar di Pulau Jerejak oleh kerajaan negeri Pulau Pinang telah didaftarkan atas nama TIRSB pada 10.10.2002 dengan status pajakan selama 60 tahun yang akan berakhir pada 09.10.2062.

2. Pihak TIRSB telah membangunkan Zon 4 seluas 20 ekar yang

dikenali Jerejak Rain Forest Resort yang telah mula beroperasi pada tahun 2004,

NO SOALAN

manakala pembangunan Zon 1 (30 ekar) dan Zon 3 (30 ekar) masih dalam peringkat perancangan. Oleh itu, pihak UDA dan PDC akan meneruskan kerjasama bagi memuktamadkan perancangan pembangunan Zon 1 dan Zon 3.

3. Pembangunan Tanjung Tokong melibatkan projek pembangunan semula bagi menaik taraf keseluruhan kawasan tersebut kepada kawasan perumahan bercampur dan telah dilaksanakan secara berperingkat oleh pihak UDA. Peringkat awal pembangunan semula Tanjung Tokong ini melibatkan penempatan semula penduduk di dua kawasan yang dikenali sebagai Desiran Tanjung dan Warisan Tanjung. Sebahagian dari jumlah penduduk telah pun ditempatkan semula di Desiran Tanjung dan selebihnya dijangka akan dipindahkan pada Disember 2011. Manakala projek Warisan Tanjung dijangka akan dimulakan pada Februari 2012.

4. Pembangunan di kedua-dua tapak projek ini sedang berjalan dan UDA tidak berhajat untuk menyerah balik tanah-tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
 [SEPANG]**

TARIKH 10 OKTOBER 2011

SOALAN

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta MENTERI

SOALAN NO: 20

KESIHATAN menyatakan langkah yang telah diambil bagi mengatasi lambakan produk minuman segera yang mengandungi bahan kimia beracun seperti Silderfil, Tadafil, Verdafil dan Sibutramine yang dijual secara berleluasa di pasaran negara ini dan nyatakan tindakan penguatkuasaan undang-undang yang telah diambil.

Tuan Yang di-Pertua,

Di Malaysia, penggunaan Sildenafil, Tadalafil dan Verdanafil dalam bidang perubatan adalah untuk rawatan mati pucuk (“impotent”) bagi kaum lelaki. Manakala Sibutramine pula digunakan untuk merawat kegemukan. Kesemua produk yang mengandungi bahan-bahan ini perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dipasarkan. Penggunaan kesemua ubat tersebut mestilah melalui pemeriksaan kesihatan dan mendapat preskripsi daripada doktor yang bertauliah. Tetapi, dewasa ini bahan-bahan aktif farmaseutikal ini telah disalahgunakan untuk kepuasan seks yang melampau. Kesan aktif

bahan-bahan ini telah dieksplotasi oleh golongan pencari keuntungan yang tidak beretika dengan mencampurkannya ke dalam produk minuman segera tanpa menghiraukan kesan buruknya kepada keselamatan individu dan masyarakat. Kebanyakan produk ini telah dicampurkan dengan bahan beracun yang diperolehi melalui aktiviti penyeludupan dan dibungkus di kilang haram.

Langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi lambakan produk minuman segera yang mengandungi bahan kimia beracun ini di pasaran adalah seperti berikut:

1. Melalui **hebahan di media massa** selepas sesuatu operasi rampasan produk berkenaan dilakukan oleh pihak penguatkuasa farmasi KKM, orang awam telah dinasihatkan supaya mengelak daripada membeli dan menggunakan produk yang telah dicemari bahan racun berjadual seperti bahan perangsang seks dan pelangsing badan. Sebanyak 6 hebahan melalui media elektronik (siaran berita) telah disiarkan sepanjang tahun 2010 manakala 16 hebahan telah dilakukan sehingga Julai tahun 2011. Bagi hebahan melalui media cetak (akhbar arus perdana) sebanyak 45 hebahan telah dilakukan dalam tahun 2010 dan sebanyak 20 hebahan telah dilakukan sehingga Julai 2011.
2. **Mempertingkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan** dari semasa ke semasa bagi membendung aktiviti pemasaran produk ubat yang tidak berdaftar dan produk makanan serta minuman yang dicampur racun di Malaysia. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah:
 - a) **Pemantauan dan pemeriksaan secara rutin** oleh pegawai penguatkuasa farmasi seluruh negara. Pada tahun 2010

sebanyak 12,921 pemeriksaan telah dilakukan dan sehingga Julai tahun 2011 sebanyak 8,129 pemeriksaan rutin telah dilakukan.

b) **Aktiviti risikan dan pengumpulan maklumat:**

Sebanyak 588 aktiviti risikan telah dilakukan sepanjang tahun 2010 dan sebanyak 522 aktiviti risikan telah dilakukan sehingga Julai tahun 2011.

c) **Kempen kesedaran dan pendidikan pengguna:**

Sebanyak 935 aktiviti kempen kesedaran pengguna melibatkan ceramah, pameran dan dialog telah dilakukan sepanjang tahun 2010 dan sehingga Julai tahun 2011, sebanyak 604 aktiviti telah dijalankan.

Jumlah nilai rampasan produk tidak berdaftar termasuk makanan dan minuman kesihatan bercampur racun bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM 19.71 juta dan telah menurun dari Januari hingga Jun 2011 dengan nilai sebanyak RM 5.1 juta.

Membatalkan pendaftaran dan lesen pengilangan Amalan Pengilangan Baik (GMP) yang didapati terlibat dalam mengilang produk ubatan dan produk makanan serta minuman kesihatan yang dicampur racun berjadual dan seterusnya mendakwa mereka di mahkamah. Sebanyak 2 lesen pengilang bertaraf GMP telah dibatalkan pendaftarannya dalam tahun 2010 manakala 3 lesen GMP dibatalkan pendaftarannya dalam sehingga Julai tahun 2011.

Pengilang dan pengedar produk farmaseutikal dan produk makanan atau minuman kesihatan yang dicampurkan dengan bahan racun boleh

diambil tindakan di bawah Akta Racun 1952 yang memperuntukkan hukuman denda RM 3,000.00 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan dan di bawah Akta Jualan Dadah 1952, sabit kesalahan, ia boleh dikenakan denda RM 25,000.00 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya sekali bagi individu dan denda RM 50,000.00 bagi sesebuah syarikat.

Dalam tahun 2010, sebanyak 695 kes (bagi seluruh negara) telah didapati bersalah dengan jumlah denda sebanyak RM 2.03 juta telah dikenakan manakala bagi tempoh Januari sehingga Julai 2011 sebanyak 450 kes baru telahpun didakwa di mahkamah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 435 kes telah didapati bersalah dalam tempoh yang sama dengan jumlah denda sebanyak RM 1.26 juta telah dikenakan.

No. Soalan : [20] PR-
1243-L46765

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]
TARIKH	10 OKTOBER 2011
SOALAN	Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sikap Kerajaan Malaysia terhadap beberapa anggota Parlimen Pihak Berkuaasa Palestin yang diculik oleh Regim Israel, adakah Malaysia

JAWAPAN:

membuat bantahan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan mengambil berat dan memandang serius isu penculikan ke atas ahli-ahli Parlimen Palestin iaitu Azzam Salhab yang diculik pada 23 Mac 2011 dan Hasan Yousuf yang diculik pada 31 Ogos 2011. Isu kejadian penculikan penduduk Palestin termasuklah kanak-kanak di wilayah Palestin sendiri, bukanlah merupakan satu perkara yang baru. Rejim Israel telah melakukan banyak penculikan terutamanya kepada penduduk Palestin yang di syaki menentang Rejim Israel dan di dalam kepimpinan organisasi yang tidak diiktiraf oleh Israel seperti Hamas.
3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, isu penculikan ini adalah lebih bersifat domestik di mana rundingan terus antara Pihak Berkuasa Palestin dengan Rejim Israel sering diadakan bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi pembebasan penduduk Palestin yang telah di tahan. Kerajaan melihat tindakan penculikan ahli-ahli Parlimen Palestin sebagai satu cubaan Rejim Israel untuk menakut-nakutkan rakyat Palestin dan Pihak Berkuasa Palestin.
4. Dalam pada itu, Mesyuarat Koordinasi Tahunan Menteri-Menteri Luar Negeri OIC yang telah diadakan pada 23 September 2011 di New York telah mencapai kata sepakat untuk

JAWAPAN:

mengeluarkan Deklarasi Palestin yang antara lain melahirkan kebimbangan mendalam berkaitan dengan pemenjaraan dan penahanan ribuan rakyat Palestin termasuklah kira-kira 300 kanak-kanak oleh Israel. Menteri-Menteri Luar Negeri OIC juga mengutuk amalan agresif dan tidak berperikemanusiaan Israel ini yang jelas melanggar Konvensyen Geneva Keempat. Justeru, Deklarasi tersebut telah menekankan tanggungjawab masyarakat antarabangsa dan peranan oleh OIC dan PBB bagi meningkatkan kesedaran mengenai isu penahanan rakyat Palestin oleh Israel dan seterusnya menggesa pembebasan mereka.

5. Kerajaan Malaysia menyifatkan sebarang kezaliman dan pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan oleh Rejim Israel ke atas mana-mana warga Palestin sebagai satu usaha untuk mematahkan semangat perjuangan mereka. Dalam hal ini, Malaysia akan terus memberikan sokongan padu kepada perjuangan rakyat Palestin untuk menuntut kemerdekaan mutlak mengikut lunas-lunas perundangan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN SOALAN NO: 21
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

KAWASAN

Y.B. TUAN ER TECK HWA BAKRI

TARIKH

10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan Jalan Raya Persekutuan yang dilengkapi dengan lorong motosikal dan basikal:-

- (a) Senaraikan jalan-jalan raya dengan lokasinya mengikut negeri; dan
- (b) Adakah rancangan tambahan lorong motosikal atau basikal akan dilaksanakan di setiap daerah jika tidak, mengapa.

JAWAPAN
Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya amat prihatin dan mengambil maklum mengenai risiko kemalangan jalan raya, khususnya yang melibatkan penunggang motosikal. Sehubungan itu, sehingga kini Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan sebanyak RM 149.2 juta bagi membina lorong-lorong motosikal di Jalan Persekutuan di seluruh negara melibatkan jarak keseluruhan jalan sepanjang 114 kilometer. Antara lokasi-lokasi lorong motosikal yang telah siap dibina ialah seperti berikut:

1. jalan Persekutuan FT05, Batu Pahat, Johor (10KM);
2. Jalan Persekutuan FT01, Simpang Renggam ke Kluang (U), Johor (4KM);
3. Jalan Persekutuan FT01, Simpang Renggam ke Kg. Kenangan, Jalan Simpang Renggam-Johor Bahru (S), Johor (7KM);
4. Jalan Persekutuan FT05, Jalan Pontian-Johor Bahru, Johor (1OKM);
5. jalan Persekutuan FT05, KM51-58 Jalan Johor Bahru-Pontian, Johor (8KM);
6. Jalan Persekutuan FT01, Tanjung Agas-Parit Bunga, Muar, Johor (3KM);
7. Jalan Persekutuan FT01, Bandar Muar-Parit Jawa, Muar, Johor (13KM);
8. Jalan Persekutuan FT01, Sungai Petani, Kedah (24KM);

9. jalan Persekutuan FT07, Jalan Alor Janggos-Kota Setar, Kedah (7KM);
10. Jalan Persekutuan FT05, Simpang Ampat-Telok Intan, Perak (10KM);
11. Jalan Persekutuan FT58, Telok Intan, Perak (5KM); dan
12. Jalan Persekutuan FT03, Kemaman-Dungun (13KM).

Di samping itu, dari tahun 2008 hingga 2010 Kementerian Kerja Raya juga telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM5.5 juta untuk menaik taraf lorong-lorong motosikal di Jalan Persekutuan 2, iaitu laluan antara Petaling Jaya ke Klang dan sebaliknya. Manakala dalam tempoh Separuh Kedua RMKe-10 ini, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan kepada Agensi Pusat untuk membina 16 lagi projek pembinaan lorong khusus motosikal di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti di seluruh negara melibatkan anggaran kos sebanyak RM 196 juta. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program ini tertakluk kepada kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah penambahbaikan ciri-ciri keselamatan jalan kepada penunggang motosikal, Kementerian Kerja Raya juga telah menggariskan keperluan pembinaan bahu jalan yang lebih luas bagi projek pembinaan dan menaik taraf jalan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), mulai dari tempoh RMKe-9. Penambahbaikan ini dilaksanakan pada peringkat mereka bentuk projek (pra-pembinaan)

dengan mengambil
kira faktor-faktor piawaian teknikal (Arahan Teknik Jalan, JKR)
dan peruntukan yang diluluskan untuk sesuatu projek itu.

Sekian, terima kasih.

'3.2.

NO SOALAN :2g&

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD
(KUALA SELANGOR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.10.2011

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang dakwaan bahawa Empangan Bakun yang menelan RM7.3 bilion, bakal menyaksikan malapetaka andainya peraturan EIA tidak dipatuhi di segi keselamatan, pembinaan dan impak alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Kerajaan seperti Empangan Bakun telah melalui beberapa fasa kajian awal (*preliminary study*) supaya tidak menjaskan keseimbangan ekosistem di

kawasan tersebut dan pada masa yang sama dapat memenuhi tujuan asal pelaksanaannya iaitu membekalkan sumber tenaga elektrik yang terjamin dan berdaya harap kepada industri dan masyarakat sekitar.

2. Kajian *Environment Impact Assessment* (EIA) telah dilaksanakan seawal tahun 1994-1996 dan jururunding yang dilantik ketika itu adalah *Centre of Technology Transfer* (CTTC) dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Seramai lebih kurang 100 pakar perunding yang terlibat kebanyakannya terdiri daripada pensyarah-pensyarah UNIMAS. Bagi bidang tertentu seperti hidrologi, pakar dari luar negara terutamanya dari Western Australia University turut terlibat sama untuk membantu pakar perunding tempatan. Laporan EIA ini dibahagikan kepada 4 komponen penting iaitu:

- i. *Main Dam and Ancillary Facilities,*
- ii. *Bintulu-Bakun Road,*
- iii. *Reservoir Preparation, dan*
- iv. *Transssmission Line.*

3. EIA ini telah diluluskan pada tahun 1995 oleh pihak Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB, Sarawak). Antara ciri-ciri penilaian EIA merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Kesan penakungan,
- ii. Kesan sosio ekonomi kepada penduduk yang terlibat,
- iii. Kehilangan kepelbagaian biologi,
- iv. Kestabilan geologi, dan
- v. Kesan kepada kualiti air di hilir sungai.

4. K
elulusan EIA ini termasuk di dalam syarat-syarat pelaksanaan yang perlu

dipatuhi oleh pemaju projek. Sehubungan itu, Sarawak Hidro Sdn Bhd (SHSB) sebagai pemaju Projek Empangan Bakun semenjak tahun 2002 telah mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan di dalam laporan EIA bagi memastikan pembinaan Empangan Bakun tidak menjelaskan keselamatan kawasan serta penduduk di sekitarnya.

5. Jelas sekali, Kerajaan melalui SHSB sentiasa memberikan perhatian yang serius terhadap pembangunan Empangan Bakun sejak dari awal pelaksanaannya. Di samping menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi nasional, pelaksanaan projek Empangan Bakun turut dilihat sebagai satu anjakan paradigma di Negeri Sarawak dalam membangunkan dan mentransformasikan Negeri Sarawak kepada negeri berdasarkan perindustrian.

NO. SOALAN : 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI

HARON [TANGGA BATU]

TARIKH JAWAPAN : 10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

menyatakan apakah pelan mitigasi Tenaga Nasional Berhad (TNB)

JAWAPAN

untuk memastikan bekalan elektrik sentiasa terjamin berikutan terdapatnya kekangan gas yang dibekalkan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berikutan situasi kekangan pembekalan gas, Kerajaan telah mewujudkan Pasukan Petugas Gas (*National Gas Task Force*) di bawah Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) untuk memantau situasi pembekalan gas dan mengenalpasti pelan tindakan bagi mengatasi kekangan bekalan gas. Pasukan petugas ini dianggotai oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Suruhanjaya Tenaga, PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta peserta-peserta industri minyak dan gas.

Bagi memastikan bekalan elektrik sentiasa mencukupi dan terjamin, pihak TNB menjana elektrik menggunakan bahan api alternatif seperti *distillate*, *Medium Fuel Oil* (MFO) selain memaksimumkan penjanaan elektrik menggunakan bahan api arang batu bagi menampung kekurangan bekalan gas. Kementerian saya bersama

Suruhanjaya Tenaga dan TNB sentiasa memantau secara teliti keadaan pembekalan bahan api *distillate*, MFO serta arang batu. Pihak TNB turut bekerjasama dengan semua *Independent Power Producer* (IPP), dengan izin, serta pembekal-pembekal bahan api bagi memastikan bekalan bahan api mencukupi serta diperolehi tepat pada masa yang diperlukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembekalan bahan api *distillate* perlu dirancang dengan teliti memandangkan penghantaran bekalan hanya boleh dibuat melalui lori tangki (*road tankers*) yang boleh menyebabkan kesesakan di sekitar kawasan stesen janakuasa, penambahan trafik di lebuh raya serta jalan persekutuan. Penghantaran bekalan *distillate* turut mengundang risiko yang tinggi. Selain daripada itu, permintaan minyak *distillate* (*diesel*) juga adalah tinggi memandangkan ia turut digunakan dalam sektor perikanan serta pengangkutan.

Selain daripada itu, pihak TNB juga ada membuat pembelian elektrik daripada negara jiran. Sebagai contoh, pembelian elektrik

JAWAPAN

daripada Singapura pada harga RM 0.74 sen/kWh dan daripada Thailand pada harga RM 0.64 sen/kWh. Pembelian elektrik daripada negara-negara

luar tidak dapat dielakkan kerana kekurangan bekalan gas untuk penjanaan elektrik. Pada masa ini juga, pihak TNB perlu menanggung sebarang kos tambahan penjanaan yang disebabkan pengurangan bekalan gas di mana pihak TNB dijangka membelanjakan hampir RM3.1 billion bagi menampung kos tambahan bahan api sehingga akhir 2011.

■k-krk-k'krkic'kicieiddccicicicie-kieic'k-kieie-k'kic'kie'k'kidckick'k-k'k'kieieickrkieieicif

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 10 OKTOBER 2011

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang diambil terhadap syarikat yang tidak melaksanakan undang-undang yang diwajibkan seperti mana dalam peruntukan Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) dan berapakah jumlah pendakwaan yang telah diambil.

PR-1243-L46144

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, PERKESO berperanan memberi perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja yang layak. Peranan ini dilaksanakan menerusi penguatkuasaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (AKSP 1969) dan Peraturan- Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Akta dan

Peraturan yang dimaksudkan terpakai kepada semua perusahaan (syarikat yang layak).

2. Semua syarikat yang layak adalah tertakluk dan wajib mematuhi semua peruntukan yang ada di bawah Akta dan Peraturan. Kegagalan syarikat mematuhi kehendak Akta dan Peraturan boleh menyebabkan mereka diambil tindakan kompaun dan juga tindakan mahkamah oleh PERKESO.
3. Tindakan pengkompaunan boleh diambil di bawah Seksyen 95(A) AKSP 1969 bagi kesalahan-kesalahan yang ditetapkan dan kadar kompaun yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi sesuatu kesalahan itu.
4. Sementara itu, tindakan pendakwaan boleh diambil oleh PERKESO sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 94 AKSP 1969. Di bawah Seksyen ini, jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau denda tidak melebihi RM 10,000.00 atau kedua-duanya.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Bagi tahun 2011 sehingga Jun 2011, PERKESO telah mengambil tindakan pengkompaunan dan pendakwaan ke atas majikan yang gagal mematuhi kehendak Akta dan Peraturan yang ditetapkan. Tindakan pengkompaunan yang telah selesai dan masih dalam tindakan bagi tahun 2011 adalah seperti rajah 1:

Rajah 1 :Tindakan pengkompaunan yang telah selesai dan masih dalam tindakan

Bil.	Jenis Kesalahan	Kes Pengkompaunan Selesai		Kes Pengkompaunan Dalam Proses
		Bilangan Kes	Denda (RM)	
1.	Lewat Lapor Kemalangan	57	26,625	379
2.	Lewat Daftar Perusahaan	121	44,385	1,150
3.	Lewat Daftar Pekerja	41	10,755	420
4.	Tidak Sedia/Simpan Rekod Pekerja	1	300	13
Jumlah		220	82,065	1,962

6. Tindakan pendakwaan yang telah selesai dan masih dalam tindakan bagi tahun 2011 adalah seperti pada rajah 2:

Rajah 2: Tindakan pendakwaan yang telah selesai dan masih dalam tindakan

Bil.	Jenis Kesalahan	Kes Pendakwaan Selesai		Kes Pendakwaan Dalam Proses
		Bilangan Kes	Denda (RM)	
1.	Gagal mencarum	17	10,600	24
2.	Gagal Daftar Perusahaan	46	8,050	89
3.	Lewat Daftar Perusahaan	8	1,600	4
4.	Gagal Lapor Kemalangan	14	1,800	12
5.	Gagal Daftar Pekerja	7	2,150	17
6.	Gagal Membayar Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB)	19	12,850	18
7.	Saman Jabatan	10	2,550	38
8.	Maklumat Palsu	1	1,000	0
Jumlah		122	40,600	202

TARIKH

NO SOALAN :IQ

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPAD

A

Y.B. DATO¹ SHAHRIR BIN ABDUL

PERTANYAA

N

**SAMAD (JOHOR BAHRU)
LISA
N**

10.10.2011

Datuk Seri Utama Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah kesan positif yang dapat dilihat terhadap harga-harga barang import berikutan pengukuhan berterusan nilai Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Kedudukan nilai Ringgit Malaysia telah mengukuh sejak akhir 2009 berikutan peningkatan keyakinan masyarakat pelabur dan peniaga antarabangsa ke atas prospek pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan serta asas-asas ekonomi yang bertambah kukuh dalam persekitaran ekonomi global terutamanya di negara-negara maju yang tidak menentu. Bagi tempoh akhir 2009 hingga September 2011, ringgit telah

mencatat peningkatan yang kukuh antara 0.6% dan 14% berbanding mata wang rakan dagang utama Malaysia, terutamanya dolar AS (7%), Euro (14%) dan Pound Sterling (10.6%). Manakala pada peringkat serantau, nilai Ringgit turut mengukuh berbanding Chinese Renminbi (0.6%), Rupiah (0.6%) dan Baht (0.3%).

Tuan Yang dipertua,

2. Sungguhpun nilai ringgit telah mengukuh dalam tempoh yang dinyatakan ini, narmun begitu impaknya terhadap harga-harga barang import di negara kita berbeza-beza atas faktor tertentu, terutamanya dari segi kesan pergantungan yang keterlaluan oleh sektor ekonomi atau industri kepada input dan bahan mentah import yang turut berhadapan dengan trend kenaikan harga komoditi global yang amat tinggi.

3. Umpamanya, dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, harga import berkaitan bahan berasaskan minyak dan lemak haiwan dan sayuran meningkat ketara sebanyak 15.5% berbanding kemerosotan harga sebanyak 1% dalam tempoh yang sama 2010. Begitu juga dengan import berasaskan bahan api dan pelincir yang meningkat 8.8% berbanding kemerosotan 1.9% dalam tempoh yang sama, manakala bahan berasaskan makanan juga meningkat 5% berbanding kenaikan kecil sebanyak 1.8% dalam tempoh yang sama.

4. Sungguhpun demikian, bahan import atau barang pembuatan hanya meningkat lebih sederhana sebanyak 1.4% bagi tempoh tujuh bulan pertama 2011 berbanding kenaikan 1.5% pada tempoh yang sama 2010. Begitu juga bagi import berkaitan Jentera dan Kelengkapan pengangkutan

hanya meningkat 1.3% berbanding kenaikan yang lebih tinggi sebanyak 1.9% dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang dipertua,

5. Berdasarkan kepada perkembangan trend pergerakan nilai ringgit dan kenaikan harga import yang berbeza-beza di atas,walaupun nilai ringgit mengalami pengukuhan, pengeluar dan syarikat turut perlu membayar lebih untuk membeli barang import khususnya barang komoditi yang mengalami kenaikan harga tinggi seperti makanan.

6. Bank Negara Malaysia (BNM) juga menjalankan tinjauan pada suku ke-empat tahun 2010 yang membabitkan 177syarikat (109 syarikat perkilangan, 43 syarikat perkhidmatan bukan kewangan dan 45 syarikat pembinaan), 38% daripada responden menyatakan bahawa penambahan nilai tersebut tidak memberikan kesan ketara pada margin keuntungan mereka. Sebanyak 34% responden lagi menyatakan bahawa penambahan nilai ringgit memberikan sedikit kesan negatif pada margin keuntungan mereka manakala 28% menyatakan ia memberikan kesan positif pada margin keuntungan mereka.

7. Secara kesimpulannya, untuk kekal berdaya saing, syarikat atau pengeluar perlu meningkatkan produktiviti dan kualiti barang dan tidak bergantung pada kadar pertukaran mata wang semata-mata.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.10.2011

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nilai pelaburan hartanah yang dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di London dan keuntungan yang diperolehnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, had pelaburan KWSP untuk melabur dalam sektor pelaburan hartanah di luar negara ialah USD3 bilion. Secara amnya tujuan pelaburan ini adalah untuk mempelbagaikan pelaburan hartanah KWSP. Pada masa yang sama, KWSP juga telah mendapat mandat daripada Kerajaan untuk meningkatkan alokasi aset pelaburan di luar negara dari 10 peratus ke 20 peratus daripada jumlah keseluruhan aset KWSP.

2. Oleh kerana peluang pelaburan hartanah Malaysia adalah terhad dan KWSP terpaksa bersaing dengan pelabur-pelabur hartanah lain dalam pasaran domestik, KWSP telah mengambil langkah untuk memulakan pelaburan hartanah di luar negara. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pulangan dan pergerakan nilai modal bagi hartanah adalah berbeza di pasaran tempatan.

Dengan itu, pelaburan hartanah di luar negara dapat mengurangkan risiko pelaburan hartanah KWSP yang kini 100 peratus bergantung kepada pasaran Malaysia.

3. Strategi yang akan digunakan oleh KWSP dalam pelaburan luar negara adalah melalui pelaburan secara terus, pelaburan secara usahasama serta pelaburan melalui dana. Pelaburan hartanah ini disasarkan ke dalam segmen komersial termasuk ruang pejabat, industri, kompleks beli-belah dan gudang.
4. Pada masa ini pelaburan hartanah KWSP di luar negara tertumpu kepada pelaburan dalam segmen ruang pejabat. Setakat 30 Jun 2011, KWSP telah melabur sebanyak £498.9 juta atau RM2.41 billion di London dan keuntungan yang telah diperolehi adalah sebanyak £12.3 juta atau RM59.41 juta.

SOALAN NO.: 2*?

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN
KAWASAN	HULU SELANGOR
TARIKH	10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN
(HULU SELANGOR) minta MENTERI KERJA RAYA
menyatakan:

- (a) kos menyelenggara jalan MARRIS (Malaysian Road Record Information System) yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2011 secara terperinci; dan

- (b) berapakah kos yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelenggara jaian-jalan

JAWAPAN

tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Maklumat Rekod jalanraya Malaysia (*Malaysian Road Records Information System*) atau MARRIS ialah aplikasi yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi merekodkan maklumat berkaitan jalan-jalan Negeri. Butiran-butiran maklumat yang direkodkan di bawah sistem ini antaranya merangkumi panjang jalan-jalan negeri, termasuk jalan perbandaran, jalan perumahan murah dan jalan pelancongan. Maklumat ini akan digunakan sebagai asas pemberian geran tahunan dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi tujuan penyelenggaraan jalan-jalan berkenaan.

Bagi Negeri Selangor sahaja, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan geran MARRIS sebanyak RM300.9 juta pada tahun 2008, RM315.6 juta (2009), RM351.6 juta (2010) dan RM366.9 juta (2011). Peruntukan geran tersebut disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kewangan Negeri. Pejabat Kewangan Negeri kemudian akan mengagihkan peruntukan tersebut kepada agensi-agensi yang terlibat dengan jalan-jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS, seperti jabatan Kerja Raya (JKR), jabatan Pengairan dan Saliran (jPS) dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk tahun 2010, JKR Negeri Selangor telah menerima sebanyak RM 157.9 juta atau 45% dari peruntukan keseluruhan geran MARRIS Negeri Selangor

JAWAPAN

(RM351.6

juta). Manakala untuk tahun 2011 pula, JKR Negeri Selangor setakat ini telah menerima sebanyak RM 175.8 juta atau 48% dari jumlah keseluruhan RM366.9 juta yang diterima Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini tidak mempunyai maklumat mengenai peruntukan MARRIS yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada agensi-agensi selain dari JKR, seperti JPS dan Pihak Berkuasa Tempatan. Ini kerana pemberian agihan geran tersebut terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Kewangan Negeri. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri untuk memastikan geran pemberian Kerajaan Persekutuan tersebut digunakan bagi tujuan penyelenggaraan jalan-jalan yang berdaftar di dalam sistem MARRIS sahaja, sebagaimana termaktub dalam Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN]

TARIKH 10 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4289

SOALAN:

Dr. Ramasamy all Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Kementerian Dalam Negeri masih belum menyiasat kes kematian peguam Selvarani Pannerselvam di mana pihak ini masih belum dapat menjelaskan bahawa sama ada kes ini bunuh diri, kemalangan atau pun satu kes jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan.

Satu laporan telah diterima oleh pihak polis melibatkan kematian peguam Selvarani Pennerselvam pada 24 Jun 2007. Daripada siasatan yang telah dijalankan, pihak polis telah mengklasifikasikan kes ini sebagai mati mengejut (*sudden death*). Siasatan terhadap kes ini telah selesai dan telah pun dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya. Pihak Timbalan Pendakwaraya telah mengembalikan semula kertas siasatan kepada pegawai penyiasat dan mengarahkan agar siasatan diteruskan bagi mengesan beberapa orang saksi bebas untuk mendapatkan keterangan mereka.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK THIONG THAI KING [LANANG]

TARIKH

SOALAN : 10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

: Datuk Thiong Thai King minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

- a) bilangan lesen penternakan burung layang - layang atau burung walit yang diluluskan sehingga kini; dan
- b) bilangan pengusaha yang belum memiliki lesen penternakan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pengeluaran lesen premis penternakan burung walit adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bukannya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jabatan Perkhidmatan Veterinar hanya menjalankan usaha mendaftar premis penternakan burung walit ini bagi tujuan pemantauan dan daya jejak (traceability) keluaran sarang burung walit. Pendaftaran premis penternakan burung walit dilakukan agar bantuan khidmat teknikal serta kawalan penyakit haiwan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Sehingga kini sebanyak 1,006 buah premis telah didaftarkan bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk pendaftaran premis pemprosesan produk hasilan sarang burung walit.

Berdasarkan rekod PBT sehingga bulan Mac 2011, sebanyak 3,228 buah premis di kawasan bandaran telah mendapat lesen premis penternakan burung walit dan jumlah yang belum memiliki lesen adalah masih dalam tindakan PBT untuk mengeluarkan lesen premis penternakan burung walit.

Keputusan Jemaah Menteri pada April 2009 telah bersetuju untuk melantik Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai peneraju kepada industri sarang burung walit ini. Pengenalan Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP) pada 9 Julai 2010 yang dibuat dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Standard Malaysia secara langsung membantu pihak Kerajaan memantau perkembangan industri ini dengan lebih teratur. 1GP juga boleh dilihat sebagai panduan yang merangkumi aspek legislatif kerajaan sedia ada bagi urusan pelesenan dan pendaftaran premis penternakan termasuk aktiviti pemprosesan. 1GP turut menekankan Amalan Baik Penternakan Haiwan - *Good Animal Husbandry Practices* (GAHP-MS 2273:2009) berkaitan dengan tatacara pengurusan ternak dan premis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

BAGI JAWAB LISAN
Tuan Tony Pua Kiam
Wee [Petaling Jaya
Utara]

TARIKH

10 Oktober 2011 (Isnin)

SOALAN

30

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta
Menteri**

Pengangkutan menyatakan:-

- a) **Kedudukan kewangan PKA dan PKFZ terkini termasuk hutang tertunggak kepada Kerajaan dan kemampuan penyelesaian; dan**

- b) **Rancangan kemajuan perniagaan untuk meningkatkan pendapatan pada masa depan, termasuk anggaran keuntungan untuk tahun 2011.**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, bagi tahun 2010, Lembaga JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN Pelabuhan Kelang (LPK) telah mengalami defisit selepas cukai sebanyak RM203 juta manakala PKFZ Sdn. Bhd. memperolehi keuntungan selepas cukai sebanyak RM76,733. Untuk tahun 2010, LPK mempunyai rizab tunai dan deposit tetap di institusi kewangan sebanyak RM304.17 juta manakala PKFZ Sdn. Bhd. mempunyai rizab tunai sebanyak RM6.1 juta. LPK tidak mempunyai hutang tertunggak dengan Kerajaan memandangkan pembayaran balik pertama bagi pinjaman mudah adalah pada tahun 2011 iaitu sebanyak RM82.473 juta.

LPK dan PKFZ Sdn. Bhd. dari masa ke semasa merangka model perniagaan dan strategi bagi menarik lebih banyak lagi pelaburan tempatan dan asing untuk melabur di PKFZ. Ini termasuk mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang berminat daripada pelbagai industri dan cabang perniagaan seperti industri elektrikal dan elektronik, pakaian, bahan binaan, mesin dan peralatan serta industri halal untuk melabur di PKFZ bagi tempoh jangka masa pendek, sederhana dan panjang. PKFZ Sdn. Bhd. dijangka memperolehi keuntungan kasar kira-kira RM22 juta bagi tahun 2011.

SOALAN NO: 31**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.
SANTIAGO

TARIKH: 10 OKTOBER 2011

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah gaji pokok pekerja ladang di seluruh negara akan dinaikkan dan diselaraskan seperti Sime Darby baru-baru ini.

PR-1243-L45496

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Dewan yang mulia ini, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menaikkan pendapatan pekerja-pekerja ladang di seluruh negara supaya mereka juga dapat sama-sama menikmati taraf kehidupan yang lebih baik. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah meminta Sime Darby Plantations Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat GLC (*Government Link Corporation*) dan syarikat perladangan sawit terbesar dunia untuk meningkatkan kualiti hidup pekerja ladang serta menarik minat pekerja tempatan mencebur

industria itu. Syarikat Perladangan Sime Darby Plantations Sdn. Bhd. telah bersetuju menyahut seruan kerajaan untuk memberi kenaikan pendapatan pekerja ladang mereka melalui pemberian insentif tambahan sebanyak RM200.00 sebulan mulai 1 Julai 2011 kepada 37,000 orang pekerja.

Tuan Yang DiPertua,

2. Pada masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan pihak Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) dan Felda Plantation Sdn Bhd, dan mereka telah bersetuju untuk mengikuti langkah Sime Darby Plantations Sdn. Bhd. dengan memberi insentif tambahan sebanyak RM200.00 sebulan kepada pekerja-pekerja ladang di bawah keahliannya mulai bulan September 2011. KSM juga sedang mempergiatkan usaha bagi meminta lain-lain syarikat perladangan membayar insentif tambahan sebanyak RM200.00 sebulan kepada pekerja masing-masing.
3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, MAPA mempunyai 531 keahlian yang menggaji seramai 150,000 pekerja.

SOALAN NO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN(32)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN FONG KUI LUN
 [BUKIT BINTANG]

TARIKH 10OKTOBER 2011

SOALAN:

TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG) minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah bilangan pemilih dalam daftar pemilih Parlimen Bukit Bintang yang terkini berbanding yang lama serta pecahan jumlah pemilih baru dan lama termasuk yang memohon pertukaran kawasan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih bagi Bahagian

Pilihan Raya Parlimen Bukit Bintang sehingga Suku Tahun Kedua

Tahun 2011 (ST2/2011) adalah seramai 58,204 orang. Dalam

1

ST2/2011 sahaja, seramai 605 orang adalah merupakan ~~pendaftaran~~(33) manakala yang telah bertukar alamat pusat mengundi ke Bahagian Pilihan Raya Parlimen Bukit Bintang adalah seramai 679 orang. Perbandingan jumlah pemilih baru dan jumlah pemilih yang bertukar alamat pusat mengundi antara Suku Tahun Pertama Tahun 2011 (ST1/2011) dengan Suku Tahun Kedua Tahun 2011 (ST2/2011) adalah seperti pada Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Suku Tahun	Pendaftaran Baru	Pendaftaran Pertukaran Alamat
Suku Tahun Pertama Tahun 2011 (ST1/2011)	507	56
Suku Tahun Kedua Tahun 2011(ST2/2011)	605	679

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN**

[SEPANGGAR]

TARIKH 10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pemegang dokumen IMM 13 setakat 31 Ogos 2011 di Sabah dan bilangan mereka yang telah diiktiraf sebagai warganegara Malaysia dan juga jumlah yang telah meninggal dunia.

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB Datuk, menurut rekod dari Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah, jumlah pemegang dokumen IMM 13 setakat 31 Ogos 2011 adalah sebanyak 95,291 dan tidak ada pemegang dokumen IMM13 yang diiktiraf sebagai warganegara Malaysia. Jumlah kematian pula tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana majoriti pemegang dokumen IMM 13 tidak melaporkan kes-kes kematian kepada Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah.

Sekian. Terima kasih.

*NO' £©*CArSt:
UOrMM-r-Stir*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PN. SITI Z AIL AH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2011

RUJUKAN : 4290

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kajian yang dibuat terhadap dasar luar negara yang melibatkan kemasukan pendatang asing ke dalam negara dari negara jiran berbanding dengan syarat rakyat tempatan ke luar negara termasuk caj visa dan lain-lainnya.
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Rantau

JAWAPAN:

Panjang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar luar negara yang dibentuk adalah bertujuan memberi kemudahan masuk kepada warga asing sebagai pelancong, pelajar ataupun bekerja di negara ini. Prosedur kemasukan warga asing ini dilaksanakan berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 serta dasar-dasar semasa negara seperti Dasar Pengurusan Pekerja Asing, Dasar Pelancongan, Dasar Menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan, Dasar Model Ekonomi Baru dan lain-lain yang berkaitan.

Sehubungan itu, dalam membentuk dasar ini sama ada secara dua hala mahupun pelbagai hala, Kerajaan sentiasa mementingkan aspek diplomasi, kepentingan dan manfaat kepada negara di samping pelaksanaan secara timbal balas dalam setiap aspek kemudahan yang akan diberikan.

Dalam kajian pemberian kemudahan masuk warga asing ke Malaysia sama ada yang berkaitan dengan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) mahupun Perjanjian Berkaitan Pemansuhan Visa, Kerajaan iazimnya akan melakukan rundingan mengikut negara dengan mengambil kira pelbagai faktor semasa seperti keselamatan, ekonomi, dasar semasa imigresen, risiko, bandingan syarat-syarat kemudahan serta manfaat kepada negara secara khusus.

SOALAN NO : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIM LIP ENG

[SEGAMBUT]

TARIKH 10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan orang suaka politik (pelarian) di Malaysia mengikut jantina, negara asalnya, lokasi tahanan dan tempoh ketibaan mereka di Malaysia, namakan undang-undang negara ini yang menjamin kebajikan dan keselamatan mereka semasa dalam tahanan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia merupakan negara yang tidak menandatangani *United Nations Convention Relating to The Status of Refugees 1951* dan *Protocol Relating to The Status of Refugees 1967*. Walau bagaimanapun, atas dasar perikemanusiaan, tiada sebarang penahanan dibuat ke atas PATI yang memegang kad UNHCR dan Malaysia membenarkan “pelarian” ini untuk tinggal sementara sehingga ditempatkan ke negara ketiga. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Suruhanjaya PBB Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur sehingga Ogos 2011, terdapat 94,843 *person of concern* di mana 83,993 orang merupakan “pelarian” dan 10,850 pemohon suaka (*asylum seekers*). Daripada jumlah tersebut seramai 67,145 orang terdiri daripada lelaki dan 27,698 orang perempuan yang majoritinya adalah daripada Negara Myanmar iaitu seramai 7582 pemohon suaka.

Untuk maklumat YB, memandangkan Malaysia tidak menandatangani *United Nations Convention Relating to The Status of Refugees 1951* dan *Protocol Relating to The Status of Refugees 1967* maka, kerajaan tidak menjamin kebijakan dan keselamatan “pelarian” ini.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG

(BAGAN)

TARIKH

10.10.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan, SRJKC, SRJKT dan SAR di setiap negeri di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) serta bilangan dan lokasi baru masing-masing yang akan dibina.

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah **Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Kesepuluh (RMKe-10)** mengikut kategori sekolah iaitu SK, SJK(C), SJK(T) dan SAR adalah seperti berikut:

Belanja Mengurus :

Kategori Sekolah	RMKe-9 (RM)	RMKe-10 (RM) (2010-2011)
SK	29,776,212,781	7,738,282,854
SJK(C)	6,457,080,807	1,716,393,676
SJK(T)	2,481,674,380	584,382,340
SAR	212,779,561	100,000,000

Belanja Pembangunan:

Peruntukan yang disalurkan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) dan Sekolah Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah seperti berikut:

BIL	SEKOLAH	RMKe-9	RMKe-10 (2011-2012)
		PERUNTUKAN(RM)	PERUNTUKAN(RM)
1	SK	3,951,357,666.03	1,395,365,908.72
2	SJKC	103,979,961.00	53,098,486.00
3	SJKT	142,142,206.24	42,899,175.52
4	SABK	51,037,158.00	20,450,420.50
JUMLAH		4,248,696,991.27	1,511,813,990.74

Rjm 11

SOALAN 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

**RAKYAT PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

TARIKH 10 OKTOBER 2011

**SOALAN Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

JAWAPAN

apakah program pembangunan selepas Festival Teskil Tangkak 2011:-

- a. rancangan selanjutnya untuk menarik para pengunjung melancong ke Tangkak dan kos untuk menganjurkan festival tersebut; dan
- b. mengapa ditutup Jalan Payamas dan bukan dengan menggunakan Dewan Serba Guna yang mempunyai tempat letak kereta yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

Untuk makluman Yang Berhormat Bakri, dahulunya Bandar Tangkak terkenal dengan produk pelancongan tekstilnya yang digemari oleh pelancong domestik dan Singapura. Akan tetapi, kini agak tenggelam kerana persaingan daripada kawasan-kawasan penjualan tekstil baru seperti di Nilai. Oleh yang demikian, bagi mempromosikan Tangkak sebagai Bandar Tekstil dan menarik lebih ramai pelancong ke Tangkak, Kerajaan Negeri Johor dan Kementerian Pelancongan telah bekerjasama mengadakan Festival Tekstil Tangkak 2011 pada 3 hingga 6 Mac

JAWAPAN

2011.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mempromosikan Bandar Tangkak sebagai pusat pelancongan tekstil negara di samping membantu membangunkan ekonomi masyarakat setempat secara tidak langsung.

Semasa festival ini, di bawah program Mega Fam, Kementerian ini telah membawa 12 agensi pelancongan Singapura dan 25 media tempatan yang terdiri daripada majalah pelancongan, suratkhabar, stesen televisyen dan stesen radio. Kementerian ini turut mendapat respon yang sangat positif daripada penduduk Tangkak.

Oleh itu, Kerajaan Negeri Johor khususnya Majlis Daerah Tangkak digalakkan untuk menganjurkan program Festival Tangkak ini secara berterusan. Para pengusaha pelancongan juga digalakkan untuk memperbanyakkan lagi pakej-pakej pelancongan ke Tangkak, mengadakan lawatan ke kilang-kilang yang berasaskan makanan dan industri perkilangan kepada pelancong-pelancong serta bekerjasama dengan agensi pelancongan tempatan untuk mengadakan pakej 2Hari 1Malam atau '*day trip*' ke Tangkak dan Muar.

Jumlah kos penganjuran festival ini adalah sebanyak RM292,765 termasuk kos promosi dan publisiti bagi acara ini.

(b)

Untuk makluman Yang Berhormat Bakri, lokasi penganjuran festival ini ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Johor di Jalan

Payamas kerana lokasi ini amat bersesuaian bagi mewujudkan suasana festival tekstil kerana pengusaha dan kedai-kedai tekstil yang menyertai aktiviti ini terletak di sepanjang jalan tersebut.

Memandangkan festival ini adalah untuk memperkenalkan Tangkak sebagai Bandar Tekstil, jalan tersebut adalah merupakan lokasi yang paling strategik dan sesuai kerana ianya adalah merupakan tumpuan utama pengunjung ke bandar Tangkak berbanding jika diadakan di Dewan Serba Guna.

NO SOALAN : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB DATO' SERI ANWAR BIN
IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**

**TARIKH 10.10.2011
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan status terkini projek pembangunan Malaysia Defence and Security Technology Park (MDSTP) di Sungkai, Perak, anggaran kos projek dan pembayaran-pembayaran yang telah dilakukan, syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembinaannya serta setakat mana kesediaan penglibatan negara-negara ASEAN dan syarikat-syarikat industri pertahanan dalam MDSTP.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan syarikat Masterplan Consulting Sdn Bhd (MCSB) pada 2 Disember 2010. Syarikat Masterplan Consulting Sdn Bhd akan bertanggungjawab untuk membuat kajian keberkesanan serta menyediakan pelan induk pembangunan taman industri tersebut serta mengadakan promosi menarik penggiat industri pertahanan di seluruh dunia untuk melabur dan beroperasi di MDSTP.

Walau bagaimanapun, perbincangan lanjutan di antara pihak Kementerian dan MCSB telah memutuskan untuk mencadangkan kepada Jemaah Menteri bagi meminda kaedah pemilikan tanah daripada pajakan selama 60 tahun kepada pemilikan secara *land swap*. Sehubungan itu, projek ini masih dalam peringkat *feasibility study* lanjutan dan belum ada kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan setakat ini. Anggaran kos projek juga sedang dinilai semula berdasarkan kaedah pemilikan baru ini.

Pihak MCSB secara berterusan telah mengadakan promosi ke negara-negara ASEAN termasuklah semasa Pameran Pertahanan Antarabangsa Indodefence pada November 2010. Di samping itu, syarikat-syarikat industri pertahanan tempatan

2

seperti Airod Sdn Bhd, Sapura Secured Technologies, Zetro Aerospace Corp dan lain-lain telah menyatakan hasrat untuk menyertai MDSTP.

3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH 10 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4072

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pelarian di Malaysia telah dihantar ke Australia mengikut perjanjian Malaysia dan Australia berkenaan dengan pertukaran pelarian sebelum ia dilarang oleh Mahkamah Tinggi di Australia. Apakah manfaat yang akan diperolehi oleh negara kita dalam Perjanjian Pertukaran Pelarian di antara Malaysia dan Australia tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dokumen Aturan mengenai Penghantaran dan Penempatan Pemohon Suaka / Pelarian di antara Malaysia dan Australia telah ditandatangani pada 25 Julai 2011. Antara komponen utama Aturan ini ialah Australia akan menghantar sehingga 800 pemohon suaka

yang ditahan di perairan negara itu kerana menggunakan bot haram melalui jalan udara ke Malaysia.

Sebagai balasan, Australia pula akan menerima 4,000 orang pelarian sedia ada di Malaysia yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR) bagi tujuan penempatan semula di negara tersebut.

Namun begitu, susulan daripada keputusan oleh Mahkamah Tinggi Australia pada 31 Ogos 2011 yang telah mengeluarkan injunksi tetap bagi melarang penghantaran pemohon suaka ke Malaysia maka cadangan penghantaran tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, Australia tetap akan meneruskan komitmen untuk menerima 4,000 orang pelarian di Malaysia yang berdaftar dengan UNHCR bagi tujuan penempatan semula di negara tersebut. Proses ini masih belum dilaksanakan dan Malaysia akan bekerjasama dengan Australia, UNHCR serta Pertubuhan Migrasi Antarabangsa (IOM) bagi melaksanakan proses ini.

Manfaat yang akan diperolehi oleh negara dalam melaksanakan kerjasama ini dengan Australia ialah ianya dapat menyelesaikan isu jumlah pelarian yang semakin bertambah di negara ini. Selain daripada itu, ia juga dapat meningkatkan jumlah pelarian ke Australia bagi tujuan penempatan semula.

Cadangan pertukaran ini akan meningkatkan kredibiliti dan imej negara di peringkat serantau dan antarabangsa dalam menangani jenayah rentas sempadan khususnya jenayah penyeludupan migran. Ini secara tidak langsung mencerminkan komitmen Malaysia untuk menangani isu pergerakan secara tidak sah (*irregular movement*) termasuk membanteras jenayah penyeludupan migran. Cadangan pertukaran ini akan memberikan implikasi besar kepada sindiket penyeludupan migran kerana dijangka akan menjelaskan model perniagaan sindiket-sindiket tersebut yang selama ini mengaut keuntungan yang besar dari aktiviti ini.

NO' SOA L~txKJ'

Lf.O NO. AUM-

T20

NO:-AI)P-r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]

DARIPADA 10 OKTOBER 2011

TARIKH 4068

**SOALAN
RUMUSAN**

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa sehingga sekarang masih belum diambil tindakan terhadap Ambiga dan kumpulan yang terlibat dalam perhimpunan BERSIH pada 9 Julai lalu walaupun mereka secara jelas melanggar undang-undang negara dan menghina DYMM Yang Dipertuan Agong kerana melanggar nasihat. Apakah YB Menteri sedar dakwaan yang menyatakan pihak BERSIH menerima bantuan asing, seperti dari Maureen dan OSF kerana pada 1999 sehingga 2001 badan inilah yang dikatakan membiayai operasi PKR.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa tiada tindakan dikenakan terhadap Ambiga dan kumpulan yang terlibat dalam perhimpunan BERSIH pada 9 Julai lalu adalah tidak benar. Ini kerana Ambiga juga turut ditahan ketika perhimpunan haram tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Polis sedang menyiasat secara terperinci yang menyatakan bahawa perhimpunan haram ini telah mendapat bantuan dan sokongan asing.

JAWAPAN: